

PM mahu kekalkan identiti Jalan Petaling

Oleh Veena Rusli
dan Ziauddin Sharuddin

BH 31/8/03

KUALALUMPUR: Identiti Jalan Petaling atau Petaling Street di sini yang turut dikenali sebagai 'Chinatown' perlu dikekalkan bagi memastikan kawasan itu terkenal di mata pelancong seluruh dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pengekalan itu akan membolehkan Jalan Petaling mempunyai daya tarikan tersendiri dan mampu menjadi destinasi yang mesti dilawati oleh pelancong asing apabila berada di ibu negara.

Katanya, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, sudah berjanji akan mempromosi Jalan Petaling secara besar-besaran di seluruh dunia.

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata, konsep penjaja kecil yang diamalkan mesti diteruskan kerana ia adalah cara rakyat negara ini berniaga dan disenangi oleh semua pihak.

"Cara kita ialah kita suka ada peniaga dan penjaja kecil. Itu tidak boleh kita hapuskan tetapi kalau pun jadi peniaga kecil, perniagaan hendaklah lebih baik dari dulu.

"Kalau dulu kedai tak elok dan tak indah sebab duit tak cukup, kini mesti kita nak lebih cantik, menarik dan bersih. Kerajaan akan beri sokongan dan bantuan supaya Petaling Street lebih menarik pada masa depan.

"Sekarang Petaling Street lebih selesa berbanding 12 tahun lalu kerana semakin bersih, cantik dan ada hujung yang melindungi pengunjung dari panas dan hujan... orang berminat nak datang dan peniaga lebih untung.

"Kerajaan nak tolong rakyat supaya pendapatan mereka meningkat, kita tak

nak buat perkara yang menimbulkan masalah. Dulu kita mundur dan miskin, tidak mampu membantu rakyat tetapi kini kita ada kepakaran dan wang daripada cukai untuk beri bantuan kepada peniaga.

"Bagaimanapun, bila pendapatan peniaga meningkat, cara hidup kita mesti ditukar... tak boleh biarkan keadaan penuh kekotoran kerana kita akan rugi dan pelanggan tak datang," katanya berucap di hadapan kira-kira 15,000 rakyat berbilang kaum pada majlis Patriotik Raksasa Masyarakat Malaysia di Jalan Petaling di sini, semalam.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Abdul Kadir.

Majlis itu dianjurkan oleh Persatuan Pemborong Pakaian Malaysia, Persatuan Penjaja Kuala Lumpur dan Persekutuan Persatuan Nan Ann Malaysia.

Pada sidang media selepas itu, Perdana Menteri berkata, keadaan di Jalan Petaling kini kelihatan lebih menarik berikutan laluan pejalan kaki yang sudah dilengkapi jubin, pembinaan gerai lebih tersusun dan menampakkan ciri-ciri seni bina Cina bagi menyeragamkannya dengan konsep 'Chinatown'.

"Tahap kebersihan pun nampaknya lebih baik tetapi saya harap kita tidak cepat berpuas hati dengan keadaan ini. Usaha perlu diteruskan untuk memperbaiki keadaan di Jalan Petaling dan yang paling penting, kita perlu kekalkan ciri-ciri asal Jalan Petaling.

"Kerajaan mempunyai pelbagai rancangan untuk penduduk dan peniaga di Jalan Petaling tetapi kita tidak boleh buat perkara yang mereka tidak mahukan.

"Petaling Street perlu ditingkatkan menjadi kawasan bertaraf dunia jika kita mahu semua orang datang ke sini," katanya.